

Ceramah Percukaian Individu: Rahsia Jimat Cukai

Norhidayah Ismail
Saflina Azis

Setiap individu yang menerima pendapatan sama ada daripada sumber penggajian, penerimaan imbuhan ataupun menjalankan perniagaan, individu tersebut perlu mengisytiharkan setiap pendapatan yang diperolehi kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui borang yang berkenaan (boleh merujuk kepada laman sesawang LHDNM). Tarikh akhir bagi melengkapkan borang cukai untuk individu yang menerima pendapatan melalui penggajian adalah sebelum 30 April setiap tahun manakala bagi individu yang menjalankan perniagaan adalah sebelum 30 Jun setiap tahun.

Fakulti Perakaunan telah mengambil inisiatif menganjurkan satu sesi ceramah percukaian individu berkenaan bagaimana untuk memaksimumkan pelepasan cukai yang telah diperkenalkan oleh pihak LHDNM. Program ini telah berjaya dilaksanakan pada hari Khamis, 31 Mac 2022 yang lalu secara dalam talian dengan menjemput Encik Luzman Bin Md Amin merupakan Ketua Penolong Pengarah LHDNM Cawangan Seremban.



Program ini bertujuan memberikan pendedahan awal kepada pembayar cukai baharu dan pendedahan yang tepat kepada pembayar cukai sedia ada berkaitan tatacara pengisian borang cukai individu secara dalam talian. Rata-rata masih terdapat segelintir pembayar cukai sedia ada yang mengalami masalah dan kekeliruan dalam proses mengisi borang tersebut dengan tepat. Oleh yang demikian, program ini sangat membantu para pembayar cukai tatacara pengisian borang yang tepat.

Selain itu, pegawai bertauliah daripada pihak LHDNM juga dapat berkongsi informasi dan maklumat terkini berkaitan pelepasan cukai yang ditawarkan kepada para pembayar cukai. Di samping itu juga, para peserta ceramah ini dapat berkomunikasi dan bertanya soalan secara terus bersama dengan pegawai-pegawai LDHNM berkaitan masalah mereka.

Seramai 800 lebih peserta yang telah menyertai program yang dilaksanakan ini. Mereka terdiri daripada staf akademik dan staf bukan akademik daripada seluruh kampus UiTM. Turut serta adalah peserta daripada luar UiTM. Diharapkan agar program yang dilaksanakan ini dapat memberikan input yang baik kepada semua peserta, dan dapat dilaksanakan lagi pada masa yang akan datang.

